



MIY



INTEGRITI

Informasi Integriti Secara Maya

SIRI 1/2012

Perenggan 12:

Penerimaan hadiah yang menjadi kesalahan:-



Hadiah diterima **sebagai dorongan** untuk/telah melakukan atau tidak **melakukan** suatu perbuatan berhubung **kerja rasmi**.



Orang yang memberi hadiah **mempunyai hubungan rasmi** dengan penjawat awam



Hadiah diterima **dengan niat jenayah**

PP BIL. 3/1998:

Garis Panduan Pemberian Dan
Penerimaan Hadiah
Di Dalam Perkhidmatan Awam



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA





MY



INTEGRITI

Informasi Integriti Secara Maya

SIRI 2/2012

TINDAKAN TATATERTIB PEGAWAI DALAM PROSIDING JENAYAH

Tindakan tatatertib **boleh** diambil terhadap pegawai yang **sedang dalam prosiding** jenayah di mahkamah **tanpa menunggu** prosiding jenayah terhadapnya **selesai** dengan syarat asas tindakan tatatertib tersebut:-

1 hendaklah terhadap suatu **alasan** lain yang **tidak sama** dengan alasan dalam **pertuduhan jenayah** yang dihadapkan terhadapnya;

2 tidak membangkitkan secara substantif **isu yang sama** dengan yang dibangkitkan dalam prosiding jenayah; dan

3 berbangkit daripada **kelakuan pegawai** dalam pelaksanaan tugasnya.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

Pekeliling Perkhidmatan Bil.26/2008





MY

INTEGRITI

Informasi Integriti Secara Maya

SIRI 3/2012

Penjawat awam* **dilarang** mengambil bahagian dalam politik, termasuklah

- ✘ memegang jawatan parti politik (kecuali dengan kebenaran);
- ✘ menerbit atau mengedar buku yang menyentuh pertikaian politik;
- ✘ membuat pernyataan awam yang berat sebelah;
- ✘ bertanding (kecuali dengan kebenaran);
- ✘ menjadi ejen pilihanraya / ejen tempat mengundi;
- ✘ memakai lambang parti politik; atau
- ✘ merayu undi.

Kecuali penjawat awam dari Kumpulan Pelaksana dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 – DG48 (yang tidak terlibat dengan tugas pentadbiran)



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

Peraturan 21(1), P.U.(A)395/1993
Pekeliling Perkhidmatan Bil.5/1996
Pekeliling Perkhidmatan Bil.9/2010





MIY

INTEGRITI

SIRI 4/2012
Informasi Integriti Secara Maya

RAHSIA KERAJAAN

Mengikut **Akta Rahsia Rasmi 1972**

RAHSIA RASMI bermaksud apa-apa surat dan maklumat serta bahan-bahan berkaitan termasuk surat rasmi, maklumat dan bahan lain yang boleh dikelaskan sebagai **Rahsia Besar, Rahsia, Sulit** atau **Terhad** yang dikeluarkan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



MY



INTEGRITI

Informasi Integriti Secara Maya

SIRI 5/2012

TIDAK BOLEH TERIMA HADIAH

Penjawat Awam **tidak dibenarkan** menerima hadiah daripada pihak swasta atau pihak lain kecuali dengan **kelulusan Ketua Jabatan**

- ✓ SPP BIL. 5 TAHUN 2008:
- ✓ PP BIL. 3/1998:
- ✓ Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA



MIY



INTEGRITI


Informasi Integriti Secara Maya

SIRI 6/2012

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN !!

MEMBOCOR MAKLUMAT TERPERINGKAT DAN RAHSIA KERAJAAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

KERANA TIDAK AMANAH DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB



Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g),
Peraturan-Peraturan Pegawai
Awam (Kelakuan Dan Tatatertib)
1993



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA